MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK ;

BEKERJA DENGAN IMAN, BERKHIDMAT DENGAN AMANAH



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor

"BEKERJA DENGAN IMAN, BERKHIDMAT DENGAN AMANAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِل: لَهُۥ مَقَالِيدُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ	
أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِه أَجْمَعِيْنَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اِتَّقُواْ اللَّهَ! أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. **قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:** يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ١٠٢	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk ***"BEKERJA DENGAN IMAN, BERKHIDMAT DENGAN AMANAH".***	6

Pada kesempatan ini, mimbar ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga pekerja sempena sambutan Hari Pekerja pada tanggal 1 Mei 2025 yang lepas. Ketahuilah bahawa Hari Pekerja ini bukan sekadar satu cuti umum, tetapi suatu bentuk penghormatan terhadap segala usaha, keringat dan pengorbanan insan-insan yang gigih mencari rezeki secara halal.	7
Hari Pekerja juga menjadi simbol kepada perjuangan menuntut hak dan keadilan di tempat kerja, serta dorongan untuk terus menyumbang kepada pembangunan umat dan negara dengan penuh amanah dan integriti. Dalam kesibukan mencari rezeki, sering kali kita lupa bahawa pekerjaan bukan sekadar rutin harian, tetapi medan ujian kepada kejujuran, disiplin, dan ketulusan terhadap tugasan yang diamanahkan. Seorang Muslim tidak bekerja hanya untuk menyara hidup, tetapi untuk menunaikan amanah Allah SWT di atas muka bumi. Setiap tanggungjawab yang digalas bukan sahaja sebuah janji yang akan dipersoalkan oleh manusia semata-mata, tetapi kelak turut dipersoalkan oleh Allah SWT yang Maha Memerhati.	8
Islam memuliakan para pekerja sebagai insan yang wajib dilayan dengan ihsan, dijaga hak-haknya, serta dipelihara kebajikannya. Hadis yang diriwayatkan daripada Ma'rur, katanya: *"Aku bertemu dengan Abu Zar di ar-Rabazah* (الرَّبَذَة) *dan dia mengenakan sepasang pakaian, begitu juga dengan hambanya. Aku bertanya tentang perbuatannya yang memberi hambanya pakaian yang sama dengannya . Dia menjawab: "Aku pernah bertengkar dengan seorang lelaki dan mencela dia dengan ibunya. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadaku":*	9

يَا أَبَا ذَرٍّ، أَعَيَّرْتَهُ بِأُمِّهِ، إِنَّكَ امْرُؤٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ، إِخْوَانُكُمْ خَوَلُكُمْ، جَعَلَهُمُ اللَّهُ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ، فَمَنْ كَانَ أَخُوهُ تَحْتَ يَدِهِ فَلْيُطْعِمْهُ مِمَّا يَأْكُلُ، وَلْيُلْبِسْهُ مِمَّا يَلْبَسُ، وَلَا تُكَلِّفُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ، فَإِنْ كَلَّفْتُمُوهُمْ فَأَعِينُوهُمْ.	10
"Wahai Abu Zar, adakah engkau mencela dia dengan ibunya? Sesungguhnya engkau masih memiliki sifat jahiliah. Saudara-saudara kalian adalah orang yang berkhidmat di bawah kuasa kalian. Sesiapa yang saudaranya berada di bawah kekuasaannya, hendaklah dia memberi makan kepadanya dari apa yang dia makan dan memberi pakaian kepadanya dari apa yang dia pakai. Janganlah kalian memberinya beban yang tidak mampu ditanggung, dan jika kalian memberinya beban yang berat, bantulah mereka". *(Riwayat al-Bukhari).*	11
Mengambil pengajaran daripada hadis ini, dapatlah kita fahami bahawa Islam mengajarkan supaya para majikan tidak membebankan pekerja di luar kemampuan mereka sehingga menyebabkan mereka tidak mampu melakukan tugas dengan sebaiknya. Namun, jika tugasan yang berat itu terpaksa dilaksanakan, berilah bantuan dan sokongan yang sewajarnya agar mereka dapat menyelesaikan tugasan dengan baik.	12
Para pekerja juga perlu menjalankan amanah yang diberikan dengan penuh integriti dan tanggungjawab. Sebagai warga pekerja, kita harus sedar bahawa gaji yang diterima bukan sekadar imbuhan dunia, tetapi akan menjadi sumber keberkatan jika diperoleh melalui kejujuran, disiplin dan komitmen yang tulus.	13

Malangnya, masih wujud segelintir warga pekerja yang mengabaikan tanggungjawab ini. Amalan-amalan buruk seperti 'curi tulang', ponteng kerja, mahupun culas dalam menjalankan tugas bukan sahaja boleh mencemarkan imej perkhidmatan, tetapi turut menghakis keberkatan rezeki yang diperoleh. Lebih membimbangkan, menurut laporan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), kesalahan tidak hadir bertugas tanpa sebab munasabah atau ponteng kerja merupakan punca paling kerap penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib sejak tahun 2020 hingga 2022.	14
Laporan ini memberi isyarat jelas bahawa kesedaran terhadap amanah kerja masih perlu diperkukuhkan. Justeru, marilah kita sama-sama memperbaiki sikap dan etika kerja, kerana rezeki yang berkat datang bersama usaha yang jujur dan tanggungjawab yang ditunaikan dengan ikhlas.	15
Kehidupan seorang pekerja muslim tidak terpisah daripada tuntutan agama. Segala tindak-tanduk dan amal perbuatannya mestilah tunduk kepada hukum dan panduan yang telah ditetapkan oleh Islam. Tauhid yakni mengesakan Allah SWT bukan hanya diucapkan dengan lisan, tetapi wajib dijelmakan dalam setiap aspek pekerjaan seharian.	16
Perlu kita sedar bahawa sebagai warga pekerja, kita adalah hamba Allah SWT, bukan hamba dunia, bukan hamba majikan dan bukan pula hamba kepada gaji atau habuan semata-mata. Kita juga bekerja bukan sekadar memenuhi keperluan hidup tetapi untuk mencari reda Allah SWT. Ketahuilah bahawa Allah SWT Maha Melihat apa yang kita lakukan dan Maha Mengetahui apa yang kita perlukan.	17

Oleh itu, hanya Allah SWT yang berhak disembah dan ditumpukan segala usaha dan pengharapan. Tiada pekerjaan yang sepatutnya dilakukan melainkan kerana Allah SWT. Tiada kuasa yang mampu meluaskan atau menyempitkan rezeki melainkan Dia, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Asy-Syura ayat 12 yang telah dibacakan pada awal khutbah bermaksud: *"Milik-Nya jualah anak kunci perbendaharaan langit dan bumi. Dia memewahkan rezeki dan menyempitkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu."*	18
Sedarlah bahawa iman dan tauhid merupakan asas utama dalam pembentukan akhlak mulia dan sahsiah diri yang beretika. Daripada akar iman yang kukuh akan lahirnya pekerja yang jujur, amanah, sabar, syukur, dan ikhlas. Dengan ikatan tauhid yang teguh, lahirnya pekerja yang sentiasa ingin bertaubat, bertawakkal serta redha dengan takdir Allah SWT bersama usaha yang telah dilakukan.	19
Sebaliknya, tanpa iman dan tauhid yang teguh, hati akan mudah dikuasai sifat-sifat yang merosakkan seperti hasad dengki, dendam, tamak, bakhil, cinta dunia, gila jawatan dan lain-lain. Apabila hati telah dijangkiti sifat-sifat seperti ini, maka lahirlah pekerja yang tidak takut kepada Allah SWT, yang sanggup menipu dan membuat penyelewengan sehingga menyebabkan ketirisan, memberi dan menerima rasuah, menyalahgunakan kedudukan dan mengkhianati amanah walaupun mereka tahu tentang hukuman dunia dan azab akhirat.	20

Mengambil potongan dalam sebuah hadis yang panjang, diriwayatkan daripada Ka'ab bin 'Ujrah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: يَا كَعْبَ بْنَ عُجْرَةَ، إِنَّهُ لَا يَرْبُو لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ إِلَّا كَانَتِ النَّارُ أَوْلَى بِهِ	21
"Wahai Ka'b bin 'Ujrah, sesungguhnya tidaklah tumbuh daging daripada sumber yang haram, melainkan api nerakalah yang lebih layak baginya". *(Riwayat al-Tirmizi).*	22
Hadis ini memberi peringatan tegas bahawa setiap rezeki yang kita peroleh daripada sumber yang haram akan memberi kesan buruk bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat, bahkan akan menjadi sebab seseorang itu dibakar oleh api neraka. Maka sangat penting untuk kita pastikan bahawa makanan, pendapatan dan segala rezeki kita datang daripada sumber yang halal lagi berkat.	23
Justeru itu, marilah kita membina semula kekuatan diri atas dasar iman dan taqwa. Jadilah pekerja yang bukan hanya disenangi oleh orang-orang sekeliling, tetapi juga dirahmati oleh Allah SWT. Begitu juga, sematkanlah dalam diri kita untuk menjadi warga pekerja yang berdedikasi, yang akan menyumbang kepada masyarakat dan memberi nilai tambah kepada pembangunan umat dan negara.	24

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk difahami dan diamalkan dalam kehidupan seharian: 1. Warga pekerja hendaklah menyedari bahawa setiap pekerjaan yang dilakukan dengan niat yang benar dan cara yang halal adalah satu bentuk ibadah yang akan diberikan ganjaran olah Allah SWT. 2. Warga pekerja perlu menginsafi bahawa sifat amanah dan jujur serta disiplin dan komitmen adalah tunjang kepada keberkatan rezeki. 3. Umat Islam perlu meyakini bahawa kekuatan iman dan tauhid menjadikan seseorang pekerja itu sentiasa bersikap amanah, sabar dan ikhlas dalam melaksanakan tugas.	25
أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَقُلِ ٱعۡمَلُواْ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمۡ وَرَسُولُهُۥ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ١٠٥	26
"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (dengan segala yang diperintahkan). Maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat amalan kamu itu dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Maha Mengetahui sesuatu yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kamu apa-apa yang telah kamu lakukan."	27

28	بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.
29	أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ

KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُلِلَّهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ٥٦
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ.
6	اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اَللّٰهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ أُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ
8	اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَآئِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

9	جَلاَلَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَان سلاغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج.
10	اَللّٰهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاغُور، تغكو أَمِير شَاه اِبْنِ السُّلْطَان شَرَفُ الدِّين ادريس شاه الحاج،
11	فِيْ أَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلالِ وَالإِكْرَامِ. اَللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، وَبلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
12	Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.	13
Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِى ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ٢٠١.	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآئِ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠	20
فَاذْكُرُواْ اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21